

RIZAB BIOSFERA BUKIT BENDERA

On 15 September 2021, Penang Hill Biosphere Reserve (PHBR) consisting Pada 15 September 2021, Rizab Biosfera Bukit Bendera (PHBR) yang terdiri daripada Bukit Bendera sebagai taman pusat, enam hutan simpan kekal, dua empangan dan beberapa kawasan tadahan air telah diisytiharkan sebagai tapak Rizab Biosfera UNESCO di bawah Program Manusia dan Biosfera (MAB) setelah bertahun-tahun penyelidikan dan kerjasama antara The Habitat Group, ahli akademik dari Universiti Sains Malaysia dan pelbagai agensi kerajaan negeri dan persekutuan serta sokongan jitu dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).

Pengalaman Pelbagai Sensasi di Puncak Tertinggi Pulau Pinang

Selamat datang ke Bukit Bendera, puncak tertinggi di Pulau Pinang yang menawarkan pelbagai aktiviti dan tempat tarikan pelancongan sepanjang tahun. Ditemui dan diterokai oleh pihak British pada lewat tahun 1700-an, Bukit Bendera adalah salah satu bukit penjajah British yang tertua di Asia Tenggara.

1700-an

Kaedah pengangkutan paling awal di Bukit Bendera adalah kuda 'Doolies', di mana tuan majikan dibawa ke puncak bukit di atas kerusi sedan khas. Bukit Bendera mempunyai satu-satunya stesen kereta api bukit penjajah yang tertua di negara ini.

1800-an

Bukit Bendera mempunyai beberapa rumah agam banglo yang memaparkan seni bina gabungan kolonial ala British dan seni bina moden Asia sejak zaman penempatan British awal sekitar tahun 1800-an di Pulau Pinang. Bangunan tertua di sini, Rumah Banglo Convalescent, dibina pada tahun 1803. Beberapa rumah agam banglo yang lain dibina seiringan, seperti Banglo Bel Retiro, Banglo Richmond dan Banglo Fernhill yang masih kukuh sehingga hari ini.

1900-an

Sistem Kereta Api Funikular yang dibina pada tahun 1901 dan disiap-bina pada tahun 1905 merupakan kaedah pengangkutan kedua ke Bukit Bendera. Namun, disebabkan kesulitan teknikal, ia tidak pernah beroperasi. Landasan kereta api kedua dirancang pada tahun 1909, dan kerja pembinaan bermula pada tahun 1914 dengan bajet sebanyak 1.5 juta Dolar Selat. Pada 1 Januari 1924, landasan kereta api funikular sepanjang 2,007 meter dirasmikan oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat pada masa itu, Sir L.N. Guillemard. Kerja menaik taraf terakhir dijalankan pada tahun 1977 dan kerja baik pulih keseluruhan pada tahun 2010.

2011

Sistem Kereta Api Funikular yang terkini merupakan generasi ke-3 dan telah dibina pada tahun 2011. Sistem ini mampu bergerak sepanjang landasan 1,996 meter dalam masa 5 minit, menjadikannya sistem funikular yang paling laju, tercuram dan terpanjang di rantau ini.

RANCANG PERJALANAN ANDA



Kaunter Tiket

Harian : 6.15 pagi - 9.45 malam

Jadual Funikular

Harian : 6.30 pagi - 11.00 malam
(Funikular berlepas setiap 30 minit))

Tempoh Perjalanan : 5 minit - 15 minit
(Tanpa Henti) (Berhenti di Substesen*)

*Funikular berhenti di substesen setiap 30 minit kecuali semasa musim puncak.

*Perjalanan terakhir dari stesen bawah ke stesen atas adalah pada pukul **10.00 malam**.

*Perjalanan terakhir dari stesen atas ke stesen bawah adalah pada pukul **11.00 malam**.

Harga Tiket Funikular

Sila layari www.penanghill.gov.my untuk harga tiket funikular terkini.

Tempat Letak
Kereta Bertingkat



Cara ke Destinasi

- Teksi / Kereta (Waze / Google Maps : 📍 Stesen Bawah Bukit Bendera)
- Bas Rapid - 204 Dari Jeti / KOMTAR ke Bukit Bendera)

Muat naik kenangan indah pengunjungan anda dan hashtag #mypenanghill pada laman media sosial kami!

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami di:

PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Jalan Stesen Bukit Bendera, 11500 Air Itam, Pulau Pinang.

Tel: 04-828 8880 Faks: 04-828 8868


E-mel: inquiries@penanghill.gov.my

(Waktu Pejabat Sahaja: Isnin - Jumaat, 8.30 pagi - 4.30 petang)



BUKIT BENDERA

Sebuah Rizab Biosfera UNESCO






Bangun awal dan menaiki funikular pertama ke puncak bukit, anda akan menikmati pemandangan subuh yang sungguh luar biasa. Pada hari yang cerah, anda akan dapat menghayati matahari terbit yang megah, manakala pada hari yang lebih dingin, rasailah kabus putih bak gula-gula kapas menyelimuti di puncak bukit.

Bukit Bendera merangkumi 6 puncak bukit, dan yang tertinggi berketinggian 833 meter (2,723 kaki) atas paras laut, memberikan pemandangan yang terindah di seluruh Pulau Pinang. Dari SkyWalk dan SkyDeck Pemandangan yang seirangan, nikmatilah pemandangan 180° bandar George Town yang mempesonakan.

Menjelang waktu senja, ketika matahari terbenam di garis ufuk dan cahaya langit terang berunsur menuju malam, bandar George Town di kaki bukit semakin berkelipan. Bukit Bendera sentiasa mengilhamkan pengalaman yang baru, bermakna dan penuh kenangan. Jika anda ingin beristirahat di puncak bukit selepas petang, funikular terakhir ke kaki bukit berlepas pada pukul 11 malam.


Lihat



Sentuh



Menjejak langkah di pangkuan alam sekitar sambil menikmati keindahan flora dan fauna. Laluan yang menghijau menawarkan lokasi yang sempurna untuk menjejak tumbuh-tumbuhan eksotik dan yang paling dicari-cari di seluruh dunia seperti pokok Periuk Kera dan spesies orkid yang istimewa iaitu Slipper Orchid.



Menerokai kehijauan Bukit Bendera yang beralun dan menemui kecantikan alam sekitar. Sama ada merentasi laluan pejalan kaki yang mudah, ataupun menerusi jalan pintas yang mencabar, banyak lagi pusaka alam kehijauan yang menanti anda di Bukit Bendera!



Melepaskan diri dari suasana bandar yang hiruk-pikuk dan menikmati suasana dingin dengan suhu 18°C - 26°C. Keheningan di puncak bukit akan mengurangkan tekanan harian anda, memberikan anda ketenangan jiwa ketika anda menghirup udara yang segar dan nyaman.



Menemui Lotong Kelabu yang comel dengan bulatan bulu putih di sekeliling kelopak matanya yang seakan-akan cermin mata


Selain itu, bangunan dan rumah agam banglo warisan kolonial pra-perang yang terletak di antara pokok menghijau memang senario yang luar biasa. Merasai keindahan kawasan luar bandar ala-Eropah sedangkan anda berada dalam dakapan hutan hujan tropika.



Tupai Gergasi hitam merupakan salah satu spesies tupai yang terbesar di dunia

Jikalau anda bertuah, anda akan menemui beberapa haiwan kecil yang jarang kelihatan seperti Lotong Kelabu, Tupai Gergasi Hitam dan juga Burung Cecawi Anting-anting di pangkuan hutan hujan tropika Bukit Bendera ini. Mereka boleh ditemui sekali-sekala ketika pertengahan hari dan juga lewat petang.

Nikmati




Selamat Datang ke Bukit Bendera - sebuah Tapak Rizab Biosfera UNESCO

Bukit Peranginan Pilihan di Malaysia

Gabungan Alam Semula Jadi, Sejarah dan Warisan yang Sempurna

Nikmati keajaiban alam semula jadi di tengah-tengah salah satu hutan hujan tertua di rantau ini! Berjalan di sepanjang laluan pejalan kaki unik ini yang membolehkan anda melihat struktur warisan yang dibina pada era penjajahan British yang pasti akan membawa anda ke masa lalu. Tarikan lain termasuk taman terbuka, pusat ekopelancongan, restoran al-fresco à la Inggeris, medan selera dan lain-lain.



*Peta tidak berskala

1 KOC FUNIKULAR GENERASI PERTAMA
5 Minit

Kembali ke masa lalu dan hayati keistimewaan koc funikular bersejarah ini yang telah beroperasi sejak dari 1923 hingga 1977.



2 ASTAKA BUKIT BENDERA (SEMENTARA)
3 Minit

Astaka ini menawarkan pelbagai jenis makanan tempatan, minuman dan pencuci mulut.



3 LALUAN EL
1 Minit

Nikmati pemandangan indah sambil berjalan di sepanjang laluan pejalan kaki berbumbung dari Stesen Bukit Bendera menuju ke Astaka Bukit Bendera (Sementara).



4 SKYWALK
2 Minit

Dek mengelilingi puncak yang menawarkan pemandangan 360° bandar George Town, Seberang Perai serta kedua-dua jambatan ikonik Pulau Mutiara.



5 RESTORAN DAVID BROWN'S
5 Minit

Nikmati sajian Inggeris yang lazat di restoran tertinggi di Pulau Pinang sambil menghayati keindahan panorama sekeliling.



6 EDGECLIFF GALLERY @PENANG HILL
7 Minit
Bayaran Masuk Dikenakan

Galeri dalam banglo Art Deco ini menawarkan pengalaman mengembara masa dan menyelami sejarah Bukit Bendera.



7a SKYDECK (TIMUR)
2 Minit
7b SKYDECK (BARAT)
15 Minit

Lokasi yang indah ini sesuai untuk menikmati panorama bandar Pulau Pinang yang cantik.




8 PENANG HILL FRAME

Bergambar di Penang Hill Frame yang menampilkan pesona Bukit Bendera sebagai tapak Rizab Biosfera UNESCO.



9 LITTLE VILLAGE
2 Minit
Bayaran Masuk Dikenakan

Di sini terletak pintu gerbang berbentuk Cinta, Kampung Orang Kerdil dan Taman Arnab untuk dikunjungi.



10 HENNA ART & SPA
3 Minit

Sukar untuk menolak reka bentuk Mehndi halus di tangan yang dilukis oleh artis henna di Bukit Bendera.



12 NATUREWALKS@PENANG HILL
5 Minit

Sesuai untuk para pendaki dan pencinta alam yang ingin mendalami alam semula jadi, sejarah dan warisan Bukit Bendera bersama pemandu pelancong eko-warisan.



13 TOY MUSEUM & 5D
6 Minit

Sesuai untuk kanak-kanak, tarikan 2-dalam-1 ini menampilkan Muzium Mainan serta pengembaraan 5D yang menyeronokkan.



14 HOTEL BELLEVUE BUKIT BENDERA
8 Minit

Struktur bersejarah ini menawarkan penginapan yang menarik sambil menikmati pemandangan panorama indah bandar George Town dari sudut yang istimewa.



15 THE HABITAT PENANG HILL
10 Minit
Bayaran Masuk Dikenakan

Pusat ekopelancongan ini menawarkan pengalaman hutan hujan yang unik, terutamanya kepada pencinta alam semulajadi.



16 KUIL SRI ARULOLI THIRUMURUGAN
12 Minit

Lebih dikenali sebagai Kuil Hindu Bukit Bendera dan antara yang tertua di Pulau Pinang, ia dibina pada tahun 1800-an dan merupakan kuil suci dewa hindu, Murugan.



17 MERIAM 32-PAUN
12 Minit

Dengan keberatan sebanyak 2.75 tan, meriam kuat ini mampu melepaskan peluru meriam seberat 32 paun pada kelajuan 1600 kaki sesaat.



18 MASJID BUKIT BENDERA
15 Minit

Menara dan kubah Masjid Bukit Bendera ini membawa sentuhan unsur seni bina Islam berbeza daripada bangunan-bangunan kolonial Bukit Bendera yang lain.



19 PINTU GERBANG BEL RETIRO
15 Minit

Struktur sejarah yang dibina pada tahun 1789 untuk gabenor Pulau Pinang ini mempunyai rekaan klasik dan pernah dikunjungi oleh kerabat diraja dan tokoh-tokoh terkemuka.




20 PETI SURAT VICTORIAN
20 Minit

Salah satu peti surat tertua di Pulau Pinang. Lambang VR menunjukkan bahawa ia didirikan semasa tempoh pemerintahan Queen Victoria (1837-1901).



21 HILLSIDE RETREAT
30 Minit

Banglo warisan ini telah diubahsuai menjadi tempat percutian selesa yang dikelilingi oleh alam semula jadi.



PETUNJUK:

- Kaunter Informasi
- Bypath A - Laluan Buluh (1.5 km, anggaran 45 min)
- Bypath B - Laluan Bunga Sepit Udang (2.0 km, anggaran 60 min)
- Bypath C - Laluan Palma (2.5 km, anggaran 75 min)
- Bypath D - Laluan Paku Pakis (3.1 km, anggaran 100 min)
- Laluan Mendaki (Bypath E - J)
- Laluan Warisan
- Laluan EL
- Laluan Pejalan Kaki
- Pentas Angsana Bukit Bendera
- Bulatan
- Dataran
- Dusky Leaf Monkey
- Black Giant Squirrel

Lokasi Pemandangan Matahari Terbit

Lokasi Pemandangan Matahari Terbenam

Kaunter Perkhidmatan Buggy (Sementara)

Anggaran Tempoh Masa dari Stesen Bukit Bendera

Automated External Defibrillator

Klinik (Sementara)

Pelawan

Balai Polis

Tandas

Tapak Perkhemahan

Substesen

Hotel

Restoran

Kawasan Rehat

Taman Permainan

PENAFIAN:

Bukit Bendera merupakan kawasan semula jadi yang mempunyai kehidupan liar yang bergerak bebas. Pengunjung dinasihatkan supaya mematuhi semua garis panduan keselamatan, papan tanda amaran dan nasihat yang diberikan pada setiap masa. Dengan mengunjungi Bukit Bendera, anda mengakui dan menerima segala risiko yang berkaitan dengan lawatan anda, termasuk risiko berkaitan kehidupan liar dan pertemuan dengan haiwan, keadaan cuaca serta permukaan dan laluan yang tidak rata.